

AMALAN 5S DALAM PENGURUSAN BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP
DI SEKOLAH RENDAH ZON SEMERAH, BATU PAHAT, JOHOR

WAN ABDULLAH BIN WAN AHMAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS[Ⓜ]

JUDUL: AMALAN 5S DALAM PENGURUSAN BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP
DI SEKOLAH RENDAH ZON SEMERAH, BATU PAHAT, JOHOR

SESI PENGAJIAN : 2011/2013

Saya **WAN ABDULLAH BIN WAN AHMAD** No. Matriks **MP111506**

Mengaku membenarkan tesis (~~PSM/Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (4)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
NO 29, JALAN 1, TAMAN SIMPANG LIMA,
83020, BATU PAHAT,
JOHOR

PROF. MADYA DR. YUSOF BOON

Tarikh:

Tarikh:

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- [Ⓜ] Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini
adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)”

Tandatangan : -----

Nama Penyelia : PROF. MADYA DR. YUSOF BOON

Tarikh :

**AMALAN 5S DALAM PENGURUSAN BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP
DI SEKOLAH RENDAH ZON SEMERAH, BATU PAHAT, JOHOR**

WAN ABDULLAH BIN WAN AHMAD

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)**

Fakulti Pendidikan

UTM

2013

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan :

Nama Penuh : WAN ABDULLAH BIN WAN AHMAD

Tarikh :

DEDIKASI

*Untuk Isteri Tersayang;
Suhailah Mohd Yatim,
Mohon kemaafan atas kekilafanku dan
Terima kasih untuk dorongan dan semangatmu.*

*Untuk putera dan puteriku;
Wan Muhammad Amry Haiqal,
Wan Muhammad Amir Hafiqi
Wan Nur Sara Qistina,
Wan Muhammad Aiman Haqem,
Di atas segala sokongan dan pengorbanan
yang kalian curahkan.*

“Kejayaan ini milik kita sekeluarga...”

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Yusof Boon kerana tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dari permulaan sehinggalah selesai kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UTM yang pernah mencurahkan bakti mereka kepada saya.

Saya juga ingin berterima kasih kepada responden yang terlibat kerana telah memberi kerjasama yang cukup baik sepanjang proses kajian dijalankan dan juga sudi meluangkan masa menjawab soalan-soalan yang diutarakan.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi segala suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setia kawan dan keikhlasan membantu serta sedia berkongsi maklumat akan saya ingat buat selamanya.

ABSTRAK

Amalan 5S merupakan satu kaedah yang mudah tetapi efektif dalam mengekalkan persekitaran kerja yang berkualiti. Konsep yang menjadi budaya kerja masyarakat Jepun ini semakin menjadi ikutan dalam sektor awam mahupun sektor swasta. Penyelidikan ini bermatlamat untuk mengetahui amalan 5S dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah rendah zon Semerah, Batu Pahat, Johor. Lima objektif telah dibentuk iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan guru tentang amalan 5S, mengenal pasti tahap amalan 5S, mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru tentang amalan 5S berdasarkan faktor demografi, mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap amalan 5S dan mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan 5S dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup sekolah rendah di zon Semerah, Batu Pahat, Johor. Seramai 18 orang guru penyelarasan bengkel kemahiran hidup sekolah rendah zon Semerah telah dipilih untuk mewakili sampel kajian. Set soal selidik mengandungi 29 item telah diedarkan kepada responden. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = 0.907$. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Science (SPSS) for Windows* versi 17.0 dan dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif seperti peratusan, kekerapan, min, Ujian-T, ANOVA Sehalu dan Korelasi Pearson. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan tahap amalan 5S responden dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup adalah berada pada tahap tinggi.

ABSTRACT

5S practice is a simple but effective method of maintaining a quality work environment. The Japanese concepts work culture is now being embraced in the public and private sectors. This research aims to find out about the 5S practices in the management of life-skills workshops in primary schools in Semerah Zone, Batu Pahat, Johor. Five objectives were established includes ,to identify the level of teachers' knowledge on 5S practices, to identify the level of 5S practices, to identify whether there are differences in the level of teachers' knowledge on 5S practices based on demographic factors, to identify whether there are vast differences in the level of 5S practices and identifying whether there is a significant relationship between knowledge and the level of 5S practices in the management of primary life skills workshops (Kemahiran Hidup) for Semerah zone teachers, Batu Pahat, Johor. A total of 18 teachers in schools teachers including life skills workshop coordinator primary for Semerah zone has been selected to represent the samples. The questionnaires contained 29 items were evenly distributed to the respondents. The reliability of the study is $\alpha = 0.907$. Data analysis is done by using the software Statistical Package For Social Sciences (SPSS) for Windows version 17.0 and presented in the form of descriptive statistics such as percentages, frequencies, mean T-Test, Oneway ANOVA and Correlations Pearson. This study shows that the knowledge and 5S practices among the respondents in managing the living skills workshop is in a high level.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kerangka Model	6
	1.7 Kerangka Kajian	7
	1.8 Kepentingan Kajian	7
	1.9 Batasan Kajian	8
	1.10 Prosedur Kajian	9
	1.11 Definisi Istilah / Operasional	9
	1.12 Kesimpulan	11

2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	12
2.2	Model-Model 5S	13
2.3	Kajian Terdahulu	23
2.4	Kesimpulan	29
3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Lokasi Kajian	32
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	32
3.5	Instrumen Kajian	33
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	34
3.7	Analisis Data	35
3.8	Kajian Rintis	37
3.9	Kesimpulan	38
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	39
4.2	Profil Responden	40
4.3	Analisis Dapatan Kajian	41
4.4	Kesimpulan	50
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	51
5.2	Rumusan Kajian	51
5.3	Perbincangn Dapatan Kajian	53
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	59
5.5	Cadangan Tindakan	60
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	61
5.7	penutup	61

RUJUKAN	63
LAMPIRAN	67 - 71

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Maksud Amalan 5S	17
3.1	Taburan Item Bagi Instrumen Kajian	34
3.2	Skor Bagi Skala Likert	35
3.3	Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian	37
3.4	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	37
3.5	Nilai Alfa Berdasarkan Dimensi Dalam Soal Selidik	39
4.1	Profil Guru	41
4.2	Analisis Tahap Pengetahuan	43
4.3	Analisis Tahap Amalan	44
4.4	Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Berdasarkan Faktor Jantina	45
4.5	Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Berdasarkan Faktor Kaum, Pengalaman Bertugas dan Opsyen	46
4.6	Perbezaan Tahap Amalan Guru Berdasarkan Faktor Jantina	47
4.7	Perbezaan Tahap Amalan Guru Berdasarkan Faktor Kaum, Pengalaman Bertugas dan Opsyen	48
4.8	Analisis Korelasi Hubungan Tahap Pengetahuan Dan Tahap Amalan 5S	49

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Model Amalan 5S	6
1.2	Kerangka Kajian	7

SENARAI SINGKATAN

EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MAMPU	<i>The Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit</i>
MPC	<i>Malaysia Productivity Cooperation</i>
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
TQM	<i>Total Quality Management</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

A	Borang Soal Selidik
B	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
C	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Johor
D	Dapatan Kajian Rintis
E	Dapatan Kajian

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan satu elemen penting bagi menentukan hala tuju dan corak masa hadapan sesebuah negara. Arus pendidikan kini sedang memasuki gelombang transformasi 13 tahun menuju negara maju seiring dengan Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia dan Transformasi Pendidikan Vokasional.

Bengkel Kemahiran Hidup adalah pusat operasi pembelajaran dan pengajaran. Walau apapun bentuk struktur organisasi dan fizikal, sesi pembelajaran dan pengajaran Kemahiran Hidup tetap berjalan. Impak serta produk yang dihasilkan daripada pelaksanaan aktiviti-aktiviti di tempat-tempat yang tertentu itu merupakan refleksi suasana bengkel yang dibina. Penyusunan, penggunaan dan penyelenggaraan alat atau bahan, serta langkah-langkah mengelak kemalangan yang dijalankan dengan teratur melahirkan produk yang positif.

Pengurusan bengkel yang berkesan merupakan antara komponen penting bagi pendidikan dalam bidang pekerjaan yang merangkumi latihan bengkel. Pengurusan secara sistematik di dalam bengkel amat penting untuk memperolehi keberkesanan dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Yahya, 1989). Sesebuah bengkel yang diuruskan dengan baik dan bersistematik akan membantu keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran. Perkara ini bersesuaian dengan proses pembelajaran dan pengajaran itu sendiri yang mana disebabkan kerja-kerja berbentuk amalan praktik yang dilakukan di dalam bengkel merupakan komponen utama dalam

pembelajaran dan pengajaran yang berasaskan sains, teknik dan kemahiran (Newable dan Canon, 1989).

Bagi mendapatkan sesuatu pengurusan bengkel yang bersistematik dan teratur, seseorang guru itu perlu belajar untuk mempertingkatkan pengetahuannya di dalam pengurusan bengkel. Ahli profesion perlu mempunyai pengetahuan yang bersistematik dan pengalaman yang sesuai. Di sini, jelaslah bahawa pengetahuan itu memainkan peranan penting bagi mendapatkan pengurusan bengkel secara terkawal, terurus, terancang dan bersistematik. Pengalaman juga merupakan salah satu faktor yang penting dalam pengurusan bengkel (Eric Hoyle, 1995). Pada dasarnya, segala bentuk aktiviti di dalam pengurusan bengkel atau bilik khas akan mempengaruhi hasil dan kepuasan kepada pelaksana dan pengguna bengkel. Pelaksana ini merujuk kepada tenaga pengajar. Aktiviti bagi pengurusan merangkumi aspek-aspek merancang, melaksana, mengkoordinasi, mengawal dan menilai. Pengurusan bengkel yang baik dan teratur bukan sahaja memberikan kebaikan kepada guru yang menguruskan perkara tersebut malah kepada pelajar selaku *actor* yang terlibat dalam aktiviti amali di dalam bengkel (Yahya, 1989).

Sehubung dengan itu, penyelidik ingin mengkaji tentang penerapan amalan 5S dalam pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup. Amalan 5S adalah satu amalan yang telah dipopularkan dan dipraktikkan oleh masyarakat Jepun. 5S merupakan ringkasan daripada lima perkataan Jepun iaitu *Seiri* (Organisasi), *Seiton* (Kemas), *Seiso* (Bersih), *Seiketsu* (Standard), dan *Shitsuke* (Disiplin). Ia disingkatkan kepada lima kunci utama yang lebih memfokuskan kepada kualiti persekitaran menyeluruh. Selain itu, amalan 5S memberikan faedah pekerjaan lebih teratur, selamat dan selesa. (Ho, 1995).

Amalan 5S pada asalnya merupakan amalan pengurusan yang dilaksanakan dalam sektor swasta seperti syarikat dan kilang di negara Jepun. Sejak tahun 1986 idea pengurusan pejabat daripada negara Malaysia melalui Dasar Pandang ke Timur. Daripada perkataan Jepun ianya telah disuaikan pula dengan patah perkataan dalam Bahasa Melayu iaitu Sisih (*Seiri*), Susun (*Seiton*), Sapu (*Seiso*), Seragam (*Seiketsu*) dan Sentiasa Amal (*Shitsuke*) (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2010).

Amalan 5S adalah menjadi salah satu pendekatan terbaik bagi mengubah persekitaran bengkel menjadi kemas, teratur dan kondusif yang akan berjaya dilaksanakan oleh bengkel Kemahiran Hidup Sekolah Rendah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Berdasarkan kajian lepas, terdapat bengkel sekolah yang tidak melaksanakan daftar stok bekalan pejabat dengan sempurna. Ini adalah berikutan dengan verifikasi stok yang dilaksanakan bagi bengkel tersebut mengikut masa tertentu tidak direkodkan di dalam buku (Bahagian Pengurusan Harta Modal, Inventori dan Stok Bekalan Pejabat Jabatan Pendidikan Teknikal, 2006).

Menurut Mohd. Pauzi (2000), dalam kajiannya di sekolah menengah teknik yang dinaik taraf di negeri Terengganu menyatakan terdapat kelemahan yang ketara dalam beberapa aspek pengurusan dan penyenggaraan bengkel di sekolah menengah teknik. Di samping itu, kurangnya pengetahuan serta kemahiran guru dalam kerja-kerja penyelenggaraan juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pengurusan bengkel di sekolah menengah teknik kurang berkesan dan sistematik.

Menurut Amran (2002), dalam kajiannya di sekolah menengah teknik yang dinaik taraf di negeri Perak pula menyatakan walaupun amalan pengurusan bengkel ada dilaksanakan di sekolah menengah teknik, tetapi ianya masih di tahap sederhana. Masih terdapat lagi perkara-perkara yang tidak dilaksanakan untuk menghasilkan pengurusan bengkel yang berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Sekolah-sekolah yang dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-6 dan Ke-7 telah disediakan dengan bilik-bilik dan bengkel-bengkel mengikut keperluan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak

RM60.3 juta untuk menyediakan bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu (Kerajaan Malaysia, 1991). Peruntukan yang besar ini seharusnya diguna, diselenggara dan dijaga dengan cara maksimum supaya peruntukan tidak menjadi satu pembaziran. Ketiadaan kakitangan yang khusus (Pembantu Bengkel atau Makmal) dalam bidang pengurusan bengkel boleh menyebabkan pengurusan bengkel yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas ini ialah guru subjek kemahiran hidup. Guru mampu mengurus dan mentadbir bengkel ini dengan penuh dedikasi, akan tetapi adalah dikhuatiri mereka ini menjalankan tugas-tugas pengurusan dan mentadbir bengkel dengan kemampuan yang minimum.

Berdasarkan persoalan inilah, kajian ini ingin melihat sejauhmanakah tahap pengetahuan guru bengkel dalam semua aspek pengurusan bengkel. Perkara ini penting bagi memastikan guru bengkel peka terhadap aspek pengurusan bengkel kemahiran hidup. Sehubungan dengan itu, kajian yang bertajuk “Amalan 5S dalam pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat” telah dipilih.

Alam sekitar yang bersih akan memberikan persekitaran kerja yang bersih dan selesa. Ia sekaligus meningkatkan motivasi pekerja untuk menjalankan setiap tugas yang diamanahkan. Bagaimanapun, persekitaran yang tidak selesa akan menyebabkan produktiviti terjejas, dan bertambahnya kemalangan di bengkel. Selain itu, amalan 5S merupakan satu sistem pengurusan kualiti yang ringkas iaitu pembersihan di tempat kerja atau lebih dikenali sebagai *housekeeping* (Suehiro, 1981). Namun, masih ada yang beranggapan amalan 5S adalah kerja remeh dan bukan tanggungjawab mereka untuk melaksanakannya.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang dapat mempengaruhi pengurusan bengkel di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat, Johor. Justeru itu, kajian ini menjurus secara spesifik untuk menjawab persoalan kajian berikut;

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru tentang amalan 5S dalam pengurusan bengkel Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat.
- ii. Mengenal pasti tahap Amalan 5S dalam pengurusan bengkel Kemahiran Hidup dalam kalangan guru di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru tentang Amalan 5S dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat berdasarkan faktor demografi (Jantina, kaum, tempoh perkhidmatan dan opsyen).
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap amalan 5S dalam kalangan guru dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat berdasarkan faktor demografi (Jantina, kaum, tempoh perkhidmatan dan opsyen).
- v. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan 5S dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat.

1.5 Persoalan Kajian


Beberapa persoalan ingin dijawab dalam kajian iaitu;

- i. Apakah tahap pengetahuan guru tentang amalan 5S dalam pengurusan bengkel Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat.
- ii. Apakah tahap Amalan 5S dalam pengurusan bengkel Kemahiran Hidup dalam kalangan guru di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat.
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru tentang Amalan 5S dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat berdasarkan faktor demografi (jantina, kaum, tempoh perkhidmatan dan opsyen).
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan 5S dalam kalangan guru dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat berdasarkan faktor demografi (jantina, kaum, tempoh perkhidmatan dan opsyen).

- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan 5S dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup di Sekolah Rendah Zon Semerah, Batu Pahat.

1.6 Kerangka Model

Kerangka model yang digunakan adalah berpandukan Panduan Amalan 5S Sektor Awam. Seiring dengan langkah-langkah transformasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan, terdapat usaha-usaha untuk memantapkan pengurusan melalui pengenalan Amalan 5S. Amalan 5S merujuk kepada pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan sistematik. Amalan 5S dapat membantu warga kerja untuk bekerja dalam persekitaran kerja yang kondusif dan selesa (Datuk Normah Md Yusof, 2010). Untuk kajian ini, kerangka model yang digunakan adalah seperti Rajah 1.1.




Rajah 1.1 Kerangka Model Amalan 5S

1.7 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dalam Rajah 1.2 menunjukkan Tahap Pengetahuan dan Tahap Amalan dalam Amalan 5S. Pembolehubah tidak bersandar (bebas) yang akan dikaji ialah faktor demografi. Sebanyak empat faktor demografi yang akan dikaji

iaitu jantina, kaum, tempoh perkhidmatan dan opsyen. Manakala pembolehubah bersandar adalah tahap pengetahuan amalan 5S dan tahap amalan 5S.

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan 5S dalam pengurusan bengkel.



Rajah 1.2 Kerangka Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Diharapkan daripada hasil kajian ini dapat membantu pihak Jabatan Pelajaran Johor, Pejabat Pelajaran Daerah dan pengurusan sekolah bagi melihat tahap pengetahuan, perlaksanaan dan keberkesanan amalan 5S dalam pengurusan bengkel. Hasil kajian ini juga akan dapat menjadi panduan kepada penyelidik dan organisasi

lain bagi menzahirkan amalan 5S dalam pengurusan bengkel, makmal atau persekitaran kerja.

Kajian ini juga mendatangkan kebaikan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Ini kerana selepas menjalankan kajian ini, keputusan penyelidikan akan dapat membuktikan tahap pengetahuan 5S dan tahap amalan 5S dalam kalangan guru-guru penyelaras bengkel kemahiran hidup sekolah rendah, dalam pengurusan bengkel. Ianya dapat membantu pihak KPM mendapatkan eviden dan gambaran keseluruhan tentang sinario amalan pengurusan bengkel di sekolah rendah seterusnya pihak KPM dapat mengambil tindakan seterusnya seperti mengadakan kursus, seminar atau taklimat secara meluas tentang amalan 5S dalam pengurusan di sekolah.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap 18 buah sekolah rendah di sekitar zon Semerah, daerah Batu Pahat, Johor yang akan mewakili 143 buah sekolah rendah di dalam daerah Batu Pahat, Johor. Sekolah-sekolah di Zon Semerah di pilih kerana sekolah-sekolah di Zon Semerah menyamai ciri-ciri sekolah-sekolah yang terdapat dalam daerah Batu Pahat dari segi kelengkapan bengkel kemahiran hidup dan guru penyelaras bengkel.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengkaji tentang tahap pengetahuan 5S, tahap amalan 5S, perbezaan tahap pengetahuan 5S, perbezaan tahap amalan 5S dan hubungan antara tahap pengetahuan dengan amalan 5S dalam pengurusan bengkel sekolah rendah sahaja. Oleh itu, segala keputusan kajian yang akan dijalankan hanya terbatas untuk zon Semerah sahaja dan daerah batu pahat khususnya. Ianya tidak boleh disamakan dengan sekolah-sekolah lain dalam negara Malaysia.

1.10 Prosedur Kajian

Penyelidikan yang akan dijalankan oleh penyelidik perlu mendapat kelulusan dari pihak tertentu supaya memudahkan lagi proses pengambilan data atau maklumat. Penyelidikan ini melibatkan responden dari luar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kampus Skudai. Antara prosedur yang perlu diikuti ialah :

- i. Mendapatkan kelulusan daripada pihak EPRD.
- ii. Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat dan guru besar sekolah-sekolah rendah yang terlibat.
- iii. Membuat kajian rintis.
- iv. Membuat penyelidikan sebenar. Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada responden (guru penyelarab bengkel kemahiran hidup) untuk dijawab dalam masa yang ditetapkan dan diawasi oleh penyelidik.
- v. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS) for Windows version 17.0*.
- vi. Menyiapkan laporan dan dihantar kepada penyelia.

1.11 Definisi Istilah / Operasional

Amalan 5S merujuk kepada singkatan perkataan bahasa Jepun iaitu *Seiri* (Sisih), *Seiton* (Susun), *Seiso* (Sapu), *Seiketsu* (Seragam) dan *Shitsuke* (Sentiasa Amal). Amalan 5S ini berkesan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2010).

1.11.1 Amalan 5S

Amalan 5S merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selesa, kemas dan selamat. Amalan 5S bermatlamat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Pelaksanaan Amalan 5S yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja (Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2010).

Menurut *Malaysia Productivity Corporation* (2010), 5S adalah salah satu alat pengurusan yang diamalkan di Jepun dengan fokus untuk mewujudkan satu suasana kualiti di sesebuah organisasi yang mampu memastikan standard yang ditetapkan serta menerapkan semangat untuk penambahbaikan berterusan.

1.11.2 Pengurusan Bengkel

Pengurusan boleh ditakrifkan sebagai aktiviti perancangan dan pergerakan atau panduan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturan juga tanggungjawab serta tugas-tugas kakitangan (Mohd Zamzuri, 2002). Pengurusan dalam aspek pendidikan adalah bertujuan untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran yang dirancang dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna tanpa sebarang gangguan. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab seorang guru bengkel untuk mengurus dan menyediakan bengkel Kemahirn Hidup supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan (Megat Hashim, 1997).

Robiah (1989), menegaskan bahawa pengurusan sebagai satu proses membahagikan tugas-tugas dikalangan anggota-anggota organisasi itu, mengatur sumber-sumber seperti alat-alat dan wang serta mengurus semuanya supaya berkaitan antara satu sama lain. Mereka itu menjadi satu kesatuan yang teguh.

Menurut Yahya (1989) pula, pengurusan adalah apa jua bentuk aktiviti yang boleh memberi kepuasan kepada pengguna terhadap barangan atau *servis* yang mereka nikmati dan ini dilakukan dengan cara yang ekonomi dan berkesan. Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam bidang pengurusan merangkumi aktiviti-aktiviti seperti merancang, menyusun, mengarah, mengkoordinasi dan mengawal.

Disamping itu, pengurusan juga merupakan satu proses mengagihkan semua *input* organisasi termasuk sumber ekonomi dan sumber kakitangan dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan bertujuan untuk mengeluarkan *output* (segala barang-barang dan perkhidmatan) yang diperlukan oleh pengguna supaya objektif organisasi tercapai (Jaafar, 1988).

1.11.3 Pengetahuan

Pengetahuan merujuk kepada kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara yang mana ia merupakan kefahaman yang sistematik dan diusahakan secara sedar. Pengetahuan adalah sebahagian daripada aspek kognitif yang terdapat dalam diri manusia, dengan ini pengetahuan adalah berkaitan dengan aspek kognitif manusia yang lain seperti ilmu, pengalaman dan juga perasaan.

Pendapat dari WHO (1992), bahawa pengetahuan diperolehi daripada pengalaman, selain itu juga diperolehi daripada guru, orang terdahulu, buku dan media masa. Kamus Dewan Edisi keempat mentakrifkan pengetahuan adalah perihal mengetahui atau apa-apa yang diketahui.

1.11.4 Amalan

Dalam kajian ini, amalan merujuk kepada sesuatu tugas yang dilakukan dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup yang selalu dipraktikkan. Kesan

daripada amalan, kita telah terdidik dengan konsep ini dan merupakan titik tolak untuk menjelmakan peribadi yang mulia (Zulkifley Mohamed, 2002).

1.11.5 Jantina

Jantina ditakrifkan sebagai jenis kelamin sama ada lelaki dan perempuan. Menurut Profesor Datin Rashidah Shuib (2009), Pengarah Pusat Pembangunan Penyelidikan Wanita, Universiti Sains Malaysia memberi makna istilah jantina merujuk kepada perbezaan biologi antara lelaki dan wanita.

1.11.6 Kaum

Kaum merujuk kepada salah satu golongan manusia yang menjadi sebahagian kepada suatu bangsa atau dalam perkataan lain, salah satu kumpulan yang membentuk satu bangsa. Dalam kajian ini, kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum merujuk kepada kumpulan kaum dalam bangsa Malaysia.

1.11.7 Pengalaman Bertugas

Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan pengalaman bermaksud apa yang telah dialami. Manakala bertugas bermaksud menjalankan tugas. Dalam kajian ini, pengalaman bertugas adalah tempoh perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

1.11.8 Opsyen

Kamus Dewan Edisi Keempat, opsyen bermaksud hak untuk memilih. Berdasarkan maksud yang diberikan, perkataan opsyen tidak perlu diulang kerana jelas maksudnya. Dalam kajian ini, opsyen yang dimaksudkan adalah dalam istilah perkhidmatan pendidikan yang memberi maksud pilihan bidang tugas.

1.12 Kesimpulan

Pelaksanaan Amalan 5S dilihat telah memberi impak yang besar kepada Jabatan dan organisasi yang membudayakan Amalan 5S. Amalan 5S bukan sahaja memberi kesan kepada persekitaran kerja tetapi juga kepada aspek kualiti yang lain seperti kualiti kerja dan kualiti peribadi guru dan murid.

Impak pelaksanaan Amalan 5S inilah diharapkan dapat diterapkan dalam Pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup agar persekitaran yang wujud dalam proses pembelajaran dan pengajaran lebih kondusif, selesa, ceria dan menarik. Justeru murid akan lebih berminat dalam subjek kemahiran hidup serta berjaya menanam nilai-nilai positif di dalam diri murid.